

Headline	Kemarau, suhu minimum punca musim bunga lebat bertajuk `Pemantauan Taburan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	22 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	16	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	406 cm ²
Journalist	- BERNAMA	AdValue	RM 13,444
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,332



Kemarau, suhu minimum punca musim bunga lebat

Fenomena berlaku selang waktu tidak teratur antara 1 hingga 10 tahun

Kuala Lumpur: Musim kemarau panjang dan suhu minimum harian rendah mencetuskan fenomena musim berbunga yang lebat di negara ini, menurut hasil kajian Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Ketua Pengarah FRIM Dr Ismail Parlan, berkata kajian kitaran pembungaan itu dijalankan di Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Pasoh di Hutan Simpan Pasoh, Negeri Sembilan sejak 2001 menerusi projek penyelidikan

bertajuk 'Pemantauan Taburan Biji Benih dan Anak Benih'.

Beliau berkata, kajian itu adalah projek usaha sama di antara FRIM, Smithsonian Forest Global Earth Observatory (ForestGEO), Amerika Syarikat dan National Dong Hwa University (NDHU), Taiwan.

"Kajian menunjukkan fenomena ini berlaku pada selang waktu tidak teratur antara satu hingga 10 tahun dan ia direkodkan berlaku tujuh kali iaitu pada 2002, 2005, 2009, 2010, 2012, 2014 dan 2019.

"Terdapat hipotesis menyatakan fenomena ini berlaku sebagai satu strategi tumbuh-tumbuhan bagi memaksimumkan ke-

upaya dan kejayaan anak benih untuk bercambah serta terus hidup," katanya menerusi kenyataan di sini.

Ismail berkata, musim berbunga lebat bagi spesies pokok berlaku pada selang waktu yang tidak tetap antara dua hingga 10 tahun, namun untuk spesies daripada famili dipterocarpaceae kitaran pembungaannya (fenologi) adalah antara lima hingga tujuh tahun.

Katanya, musim berbunga lebat di Asia Tenggara disusuli dengan buah lebat yang memenuhi lebih 80 peratus bahagian kanopi dan melebihi separuh bagi sebatang pokok matang yang mungkin berbunga dalam tempoh tiga



Pokok tekoma berbunga lebat menghiasi Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam. (Foto Danial Saad/BH)

atau empat bulan.

Sementara itu, Pengurus SPF Mata Ayer Perlis, Ahmad Fauzi Mohd Shariff, berkata pada Februari 2017, fenomena pembungaan yang lebat turut memabitkan kebanyakan pokok meranti temak nipis (*shorea roxburghii*) di utara Kedah dan kutipan biji benih keruing cogan (*dipterocarpus rigidus*) telah dijalankan.

Selain itu, katanya, kutipan biji benih gerutu-gerutu (*parashorea sp.*) yang berbunga lebat dan gugur di kawasan Pusat Latihan Perhutanan Chalok, Setiu, Terengganu telah dijalankan pada April lepas sebelum dibawa ke SPF Mata Ayer untuk aktiviti semaian.

FRIM menerusi kenyataan turut memaklumkan, fenomena musim berbunga lebat juga berlaku terhadap pokok hutan di Kampus FRIM, Kepong tahun ini

dan dianggarkan 50 hingga 60 peratus populasi spesies dipterocarpaceae di kawasan itu berbunga serta berbuah.

Kutipan juga dibuat dan diselaraskan oleh Makmal Teknologi Biji Benih FRIM untuk tujuan semaian dan aktiviti penanaman.

Kenyataan itu memaklumkan hasil penyelidikan FRIM mengenai fenomena itu dikongsi melalui Siri Webinar Kempen Penghijauan Malaysia kedua yang diadakan pada 30 Julai lalu.

Webinar anjuran Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), FRIM dan The Habitat Foundation itu merekodkan hampir 1,200 peserta termasuk dari Thailand, Filipina, Indonesia, Jepun dan Australia manakala saluran FB Live merekodkan capaian 3,058 orang pada 30 Julai lalu.

BERNAMA